



KENYATAAN SEBUT HARGA

1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk / Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Harga Dokumen	Tarikh Tutup
Cadangan Kerja-Kerja Baikpulih dan Ubahsuai Sistem Cegah Kebakaran di Menara JKP, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/HARTA/2024/08	a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan CIDB G1 Pengkhususan M02 - Sistem Pencegahan dan Perlindungan Kebakaran c. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) d. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)	RM30.00 Boleh dibeli pada tarikh seperti berikut: 29 Mac 2024 sehingga 15 April 2024	16 April 2024 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

2) Penyebut harga yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak dan sesi penerangan seperti berikut:

Tarikh : **03 April 2024 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi**

Tempat : **Tingkat 21, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang**

3) Penyebut harga yang menghadiri lawatan tapak dan sesi penerangan perlu membawa **cop rubber stamp**, salinan **Pendaftaran Syarikat (SSM)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Surat Perwakilan** dari Syarikat (sekiranya wakil syarikat selain Pemilik yang hadir)

4) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di:-

Bahagian Kontrak
JKP Sdn. Bhd.
Tingkat 14, Menara JKP,
No. 128, Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang.

pada waktu berikut:-

Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 ptg

: 2.00 ptg - 4.00 ptg

Jumaat : 9.00 pg - 12.15 tgh

: 2.45 ptg - 4.00 ptg

5) Penyebut harga mesti membawa **Sijil ASAL (ORIGINAL)** atau salinan yang diakui **SAH (CTC)** semua dokumen seperti disyaratkan di dalam jadual yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku dan sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. serta **Surat Perwakilan** (sekiranya wakil syarikat selain Pemilik yang hadir) bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga

6) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk *Money Order* atau Bank Deraf atas nama "**JKP SDN. BHD**". Pembayaran secara **wang tunai tidak akan diterima**. Bayaran dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.

7) Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri (sealed)** dan bertanda **Bilangan Sebut Harga JKP/Q/HARTA/2024/08** serta **Tajuk Sebut Harga**.

8) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara pos dan e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

9) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.